

Menungan Masyarakat:

Perempuan Lelaki Jadikan Isteri

Tiap-tiap lelaki adalah perempuan menjadi impiannya. Jarang kali benar ia suka bercakap-cakap darihal ini, dan harus sekalipun dapat ia diajak berkata-kata atasnya, ia tak dapat bercerita banyak-banyak. Tetapi perempuan itu tetap ada wujudnya. Bagaimanakah hal keadaan puan jika berbanding dengan perempuan tersebut?

Ini bukanlah suatu pertanyaan yang karut, kerana puan akan dapat ketahui siapa dia perempuan itu jika puan tahu darihal kecenderungan lelaki. Sebenarnya perempuan tersebut tidaklah banyak ada bezanya antara seorang dengan seorang yang lain dalam perkara-perkara yang penting. Warna kulitnya barangkali berlain-lainan, juga rambut dan susuk badannya, tetapi keadaan peribadinya adalah sentiasa tetap serupa.

(Buah tangan almarhum Syeikh bin Ali bin Shihab)

Apabila ditilik dan direnungkan halus-halus nescaya akan didapati bahawa lelaki itu amat kolot dalam pandangan hidup berhubung dengan isterinya. Ini sebenarnya bukanlah seperkara yang sangat sulit, kerana apa yang dikehendaknya daripada seorang perempuan itu ialah — isteri, ibu dan sahabat hidup, menurut bagaimana kecenderungannya pada sesuatu ketika itu. Siapa dari perempuan-perempuan yang dapat menyesuaikan dirinya kepada hal ini, tak dapat tiada akan berjaya ia menjadikan perkahwinannya suatu keadaan hidup yang berhasil baik.

Sesungguhnya kesederhanaan itu adalah suatu perasaan yang disukai dan lelaki yang mempunyai perangai demikian adalah kerap kali berhati ikhlas. Perangai yang demikian itu tidak sekali-kali bermakna bahawa orang itu kurang akal dan jarang benar-benar boleh jadi begitu bodoh hingga mahu mengambil seorang perempuan yang terkenal menjadi bintang sosial

yang selalu dibawanya ke hulu ke hilir makan angin atau menonton wayang gambar itu menjadi isterinya.

Lelaki biasanya tidak jadikan perempuan yang demikian itu menjadi isterinya, perempuan tersebut adalah menjadi temannya ke sana ke mari ke tempat-tempat hiburan, oleh sebab lelaki itu tidak sunyi dari perasaan kemegahan, dan mengepit seorang perempuan yang elok parasnya dan pandai bersosial itu adalah seperkara yang menepati perasaan ini. Tetapi buat isteri lazimnya lelaki itu lebih gemar mencari seorang perempuan yang tidak begitu sangat terkenal disukai oleh semua lelaki-lelaki yang ada dan yang selalu dikepit-kepit mereka ke hulu ke hilir. Yang digemarinya adalah wanita yang tidak sangat-sangat terlihat pada ramai sungguhpun ianya ada juga kadang-kadang bersama dalam majlis-majlis sosial itu.

Wanita tersebut adalah perempuan impian lelaki yang tiada dizahirkannya tadi! Ianya bukanlah perempuan yang

impian lelaki yang tiada dizahirkannya nampak terlalu bijak dan bermegah-megah atau riak itu. Ianya adalah tertib, ada padanya segala sifat-sifat keperempuanan yang diimpi-impikan oleh lelaki itu. Ringkasnya perempuan tersebut cukup menggambarkan perasaan yang terpendam dalam hatinya.

Harus lelaki tersebut tak suka mengaku berterang-terang akan adanya perasaan ini dalam hatinya. Harus jua ia akan berkata bahawa adalah seorang yang mempunyai buah fikiran dan kecenderungan modern dan tidak sekali-kali ada padanya perasaan kolot barang sedikit pun. Ini semua terbit dari perasaan tak sedap atau segan mengaku berterus terang apa yang sebenarnya ada dalam hatinya. Lelaki biasanya, tak suka menunjukkan isi perutnya kepada sesiapa pun melainkan barangkali kepada sahabatnya yang sangat-sangat akrab, sebaik-baik jalan bagi mempelajari isi perutnya yang sebenar ialah dengan tidak mengendahkan perkataannya tetapi melihat dengan halus akan perbuatannya!

Sungguh tak dapat dinafikan bahawa ia tertarik pada bintang sosial itu.

Selalu benar wanita ini dibawanya ke mana-mana — pergi ke tempat-tempat hiburan, umpama ke tempat joget, kabaret, ataupun ke hotel-hotel yang besar-besar — dan tidak hairan jika ia tertarik hingga sampai berjanji mahu berkahwin dengan perempuan itu, kerana dorongan kesukaan dan kemegahan hatinya melihatkan sahabat handainya tak dapat berbuat begitu.

Malangnya bagi bintang sosial tadi kesudahannya tidaklah selalu (kalaupun ada) terjadi — bagaimana yang dicintai oleh hatinya. Semua orang bersangka wanita itulah yang akan dijadikan isteri oleh orang muda kita tadi, tetapi — ah! — kesudahannya tidak begitu! Orang muda tadi dengan sekonyong-konyong dan tidak diketahui oleh wanita yang malang itu sudah nikah dengan orang lain!

Tidak syak lagi bahawa bintang sosial itu dapat memperoleh segala kesukaan dan keriaan, tetapi wanita yang tertib tadi jua yang berjaya memikat hati orang mudanya!

Sebabnya? Sebabnya ialah perempuan impiannya itu tak pernah hilang dari ingatannya. Wanita itu sentiasa ada dalam hatinya, dan wanita ini ialah yang memiliki seelok-elok sifat keperempuanan. Parasnya elok dengan cahaya yang menyedapkan mata memandangnya (tidak garang dan berseri-seri sedalam kulit sahaja) iaitu suatu paras dan air muka yang sangat-sangat digemari oleh lelaki, sekalipun bintang sosial itu zahirnya ada mempunyai



Penyanyi “pop” dari Singapura saudari Asmah Atan sedang menerima hadiah daripada Datin Salmah Haron pada “Malam Oscar Pop 1967” yang telah diadakan di Stadium Negara pada malam 30 Julai 1967 yang lalu.

rupa yang lebih-lebih menawan hati dan membangkitkan nafsu yang sekali imbas itu.

Wanita tersebut berhati ikhlas yang menarik — lebih menarik daripada kebijakan bintang sosial tadi. Wanita itu mempunyai apa yang dikatakan tadi sifat keperempuanan. Ianya cergas dan berperibadi tinggi, dan tiap lelaki ketahui bahawa ialah seorang perempuan yang boleh dijadikannya ibu rumah yang boleh diharap.

Apakah yang ternyata atau “moralnya” dari keterangan ini? Tidak syak lagi bahawa tidak ada gunanya seorang wanita itu mencuba menjadi bintang sosial yang dikejar-kejar dan dikepit-kepit orang ke hulu ke hilir, jika ianya lebih menghargakan berumah tangga dengan secara aman dan sentosa.

Bintang sosial itu selalu

mendapat hiburan dengan percuma, menonton wayang dengan percuma dan harus tiap kali ia lalu dengan lenggang-lenggoknya, mata lelaki tertarik kepadanya.

Tetapi tiap-tiap kali ada jemputan nikah kahwin, bukanlah dirinya yang menjadi pengantin itu, tetapi orang lain jua!

Boleh jadi keadaan yang serupa ini menggelikan hati dalam masa yang pendek, tetapi akhirnya? Penderitaan jua yang akan dihadapinya!

Kata-kata Hikmah

Berani menyatakan pendirian dengan terus terang, adalah sifat pahlawan satria, tetapi berani surut dari yang salah dan berani mengakui kesalahan adalah lebih satria lagi. —
HAMKA.